

SUMBANGAN KEPADA EKONOMI

SEJAK kebelakangan ini, berita gerai-gerai peniaga kecil dirobohkan seringkali terpampang di akhbar. Tidak dinafikan, sekali imbas kewujudan mereka yang ibarat cendawan tumbuh selepas hujan boleh mencacatkan pemandangan dan menyusahkan orang ramai untuk meletak kenderaan terutama kawasan yang sememangnya sesak.

Bagaimanapun, pertimbangan yang lebih wajar sepatutnya diberikan sebelum mengambil tindakan terhadap peniaga kecil termasuk bertanyakan mengapa peniaga kecil membuka gerai di tepi jalan atau kaki lima.

Alasan pihak berkuasa tempatan (PBT) bahawa mereka sudah menyediakan kawasan gerai jualan kadangkala boleh dipersoalkan. Adakah mereka menjalankan tinjauan dan kajian terhadap potensi kawasan tersebut?

Justeru PBT disaran supaya lebih bertimbang rasa sebelum mengambil tindakan terhadap peniaga kecil. Mereka juga manusia. Bahkan mereka wajar dipuji kerana berusaha berdikari dengan keluar awal pagi untuk berniaga.